



Gelap mata tawaran gaji lumayan

Kita rasa lega dan bersyukur apabila 47 rakyat Malaysia yang ditahan di Penjara Wilayah Bantey Meanchey, Kemboja akhirnya dibebaskan selepas 65 hari dipenjarakan tanpa percabaran.

Pembebasan ini diputuskan Kerajaan Kemboja susulan beberapa siri rundingan bersama wakil Kerajaan Malaysia di bawah koordinasi Wisma Putra. Terima kasih kepada semua pihak terlibat dalam proses pembebasan ini.

Sebelum ini, negara digemparkan dengan berita penahanan 47 warga berusia 19 hingga 44 tahun dengan 40 daripada mereka berasal dari Sarawak sejak 11 Disember lalu atas pertuduhan menipu, membuka dan menjalankan aktiviti perjudian dalam talian secara haram.

Bagaimanapun, mereka menafikan tuduhan itu kerana datang ke negara berkenaan selepas menerima tawaran kerja sebagai promoter daripada sebuah agensi pekerjaan di Malaysia yang menjanjikan gaji lumayan dibayar menggunakan dolar Amerika Syarikat sehingga AS\$1,500.

Hasil siasatan menunjukkan semua tahanan ditipu sindiket ejen pekerjaan di mana sebaik tiba di Kemboja, mereka tidak mendapat pekerjaan dijanjikan.

Jadi, kita harap insiden membabitkan 47 orang ini akan menjadi pengajaran dan iktibar kepada seluruh rakyat negara ini. Harus diingat ini bukan kes pertama rakyat negara ini diperdaya dan dibawa ke negara luar dengan dijanjikan peluang pekerjaan dan gaji lumayan.

Misalnya, sebelum ini pernah kecoh dengan isu rakyat kita ditipu dengan tawaran pekerjaan sebagai pemetik buah di beberapa negara luar dan akhirnya ramai juga ditangkap kerana dikatakan bekerja secara haram.

Kini, kes hampir sama berlaku lagi. Jelas di sini, tahap kesedaran dalam kalangan rakyat kita masih kurang dan lemah. Kita masih bersikap acuh tak acuh dan tidak peduli dengan apa yang berlaku sebelum ini.

Kita boleh memahami situasi sekarang di mana keadaan ekonomi tidak menentu menyebabkan peluang pekerjaan, terutamanya dengan gaji yang baik tidak begitu banyak dan memberangsangkan. Jadi dalam keadaan terdesak dan terpaksa, rakyat kita mudah terpedaya dengan pelbagai tawaran dan ganjaran disogokkan termasuk pergi bekerja di negara luar.

Namun, dalam kegopohan mahu bekerja dengan gaji lumayan, kita lupa untuk menyiasat kesahihan tawaran

kerja itu.

Akhirnya kita terjerat dan terpedaya, bukan saja tidak memperoleh peluang pekerjaan dan gaji lumayan seperti dijanjikan malah lebih teruk lagi ditahan pihak berkuasa negara terbabit atas pelbagai tuduhan dan kesalahan yang kemungkinan dibuat dalam keadaan tidak sedar.

Apa kita harapkan ialah walaupun terdesak mahukan pekerjaan gaji lumayan, siasat terlebih dahulu sebelum menerima tawaran tersebut. Jangan mudah dan cepat gelap mata tawaran gaji yang kononnya lumayan, apatah lagi dibayar menggunakan mata wang asing seperti dolar Amerika Syarikat.

Siasatan dalam konteks ini perlu merangkumi dua perkara utama, pertama siasat dahulu latar belakang syarikat atau individu yang menjadi ejen pekerjaan dan kedua siasat sejauh mana kerja dan gaji ditawarkan itu benar-benar wujud, logik dan berbaloi serta sah di sisi undang-undang.

Kita percaya dalam situasi gawat ini, syarikat dan ejen pekerjaan tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Bukan semuanya menipu tetapi hakikatnya ramai cuba ambil kesempatan dan menanggung di air keruh. Ada yang menubuhkan agensi pekerjaan

sekadar atas kertas bagi menggaburi pihak berkuasa kononnya mereka berdaftar, betul dan sah di sisi undang-undang.

Namun umpama ada mi di sebalik undang, mereka gunakan itu sebagai platform untuk mengumpat, menipu dan memperdaya individu yang mencari kerja. Kebiasaannya mereka bersekongkol dan bersubahat dengan ejen dari luar untuk membawa keluar rakyat kita seterusnya menjerat dan memerangkap mereka setelah tiba ke negara terbabit.

Siasatlah betul-betul latar belakang syarikat dan ejen seperti ini. Pada era maklumat di hujung jari, kita sepatutnya tidak ada alasan untuk menyemak latar belakang mereka.

Gunakan segala kemudahan teknologi dan saluran yang ada untuk menyiasat dan mendapatkan maklumat serta rekod agensi pekerjaan.

Jika didapati agensi atau individu yang berurusan dengan kita ini terbabit sebarang salah laku serta mencurigakan, segeralah melaporkan kepada pihak berkuasa agar tidak ada lagi orang lain terpedaya dan menjadi mangsa mereka. Ini adalah tanggungjawab moral dan sosial kita semua.

Begitu juga, janganlah kita

terlalu mudah gelap mata dengan gaji dan pelbagai ganjaran ditawarkan. Siasat betul-betul sama ada pekerjaan itu wujud, memang logik dibayar dengan amaun gaji tersebut serta pekerjaan tersebut tidak menyalahi undang-undang.

Dalam banyak kes dilaporkan sebelum ini, kita mendapati rakyat kita mudah leka dan gelap mata bila ditawarkan gaji lumayan. Mereka tidak sedar gaji ditawarkan itu kadangkala tidak masuk akal berbanding kerja yang perlu dilaksanakan. Namun kita buat-buat buta dan pekak kerana terlalu ghairah dan teruja dengan jumlah gaji ditawarkan.

Kita juga tidak siasat sama ada kerja itu benar-benar wujud seperti dijanjikan. Kita sepatutnya siasat latar belakang negara itu dan apakah benar kerja seumpama itu wujud dan memang membenarkan orang luar untuk datang bekerja.

Ini adalah tanggungjawab kita sendiri dan tidak boleh salahkan mana-mana pihak kerana kita yang leka dan cuai. Begitu juga halnya apabila kita sama ada tidak sedar atau buat-buat tidak tahu betapa kerja yang ditawarkan sah atau tidak dari segi undang-undang. Oleh kerana kita ditawarkan dengan gaji lumayan, kita sudah tidak peduli dengan status halal haram pekerjaan itu.

Jadi, kita harap rakyat akan ambil iktibar. Cukuplah insiden yang berlaku, jangan jadi mangsa

keadaan seperti ini lagi. Sedarlah banyak kesan dan implikasi bila kita ditangkap di negara luar, antaranya kita akan berhadapan dengan undang-undang mereka dan tertakluk kepada hukuman yang bakal dikenakan.

Jangan ingat kita boleh bebas dengan rundingan seperti ini sepanjang masa. Bila ditangkap dengan pelbagai tuduhan yang berat pula, ia pasti memalukan seluruh kaum keluarga di sini.

Bayangkan mana nak letak muka ibu bapa dan adik-beradik yang terpaksa menanggung malu. Malah, imej dan nama baik negara juga turut tejejas kerana akan dilabel rakyat Malaysia terbabit dengan jenayah di negara luar.

Justeru, di samping kita berharap pihak berkuasa sentiasa memantau aktiviti agensi dan ejen pekerjaan yang cuba menipu dan memperdaya anggota masyarakat dengan mengambil tindakan sewajarnya, kita juga perlu sentiasa berhati-hati dan ambil iktibar supaya tidak menjadi mangsa seterusnya.

Secara prinsipnya, kita tidak menghalang rakyat berhijrah dan mencari rezeki di negara luar, tetapi janganlah sampai terpedaya dan tertipu sehingga terlibat dengan jenayah atau aktiviti haram kerana ia akan menghancurkan segala-galanya.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

FAKTA
Gunakan segala kemudahan teknologi yang ada untuk mendapatkan maklumat serta rekod agensi pekerjaan

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

